

UCAPAN PERASMIAN

YB. DATO' SRI HAJI FADILLAH HJ YUSOF

MENTERI KANAN (INFRASTRUKTUR) MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA MAJLIS MENANDATANGANI MOA

CREAM BERSAMA REHDA INSTITUTE

DAN

CREAM BERSAMA UTM

18 OGOS 2020,

Di GRAND BALLROOM,

SUNWAY PUTRA HOTEL, KUALA LUMPUR

Pasukan pengurusan serta pegawai-pegawai CIDB Malaysia, CREAM, REHDA dan UTM, rakan media, para hadirin sekalian,

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat bersama-sama hadir pada petang ini dalam satu majlis yang penuh makna iaitu Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) diantara Construction Research Institute of Malaysia (CREAM) dan REHDA Institute serta sebuah lagi MOA di antara CREAM dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Saya mengucapkan terima kasih di atas kesudian CREAM menjemput saya untuk menyaksikan majlis yang penuh bermakna pada hari ini.
2. Tahniah saya ucapkan kepada CREAM dan juga rakan kerjasamanya REHDA Institute dan juga UTM di atas perjanjian Kerjasama yang bakal dimeterai pada hari ini.
3. Kajian dan penyelidikan adalah amat penting sebagai proses meningkatkan pengetahuan dan mendalami sesuatu isu. Ia juga penting bagi menentukan kejayaan sesuatu strategi perniagaan. Sebagai Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah, kajian yang akan dijalankan ini tentunya amat kritikal kepada REHDA dan juga

penggiat industri secara keseluruhannya. Ia juga bakal memberi impak besar kepada rakyat, sebagai pemilik rumah dan hartanah yang dibina. Di dalam konteks Perjanjian yang akan ditandatangani hari ini, isu yang menjadi fokus utama adalah perlaksanaan IBS di dalam pembinaan perumahan dan hartanah.

Para hadirin sekalian,

4. Daripada kajian yang telah dijalankan oleh CREAM, penggunaan IBS dapat meningkatkan kadar produktiviti lebih daripada dua (2) kali ganda atau 70% berbanding kaedah konvensional dalam projek pembinaan. Ini menunjukkan kepentingan IBS ke arah meningkatkan produktiviti industri pembinaan.

5. Oleh sebab itu, sejak tahun 2008 lagi, Kerajaan telah mewajibkan penggunaan IBS ke atas projek Kerajaan yang bernilai RM10 Juta dan ke atas melalui Pekeliling Perbendaharaan. Penggunaan IBS dalam projek swasta pula telah dikuatkuasakan melalui Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) yang telah mewajibkan semua projek swasta yang bernilai RM50 Juta dan ke atas untuk menggunakan dengan minimum 50 skor IBS melalui syarat kelulusan Pelan Bangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

6. Rekod pemantauan oleh Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) mendapati kadar penggunaan IBS dalam projek kerajaan telah meningkat dari 69.4% pada tahun 2016 ke 86.7% pada 2019. Kadar penggunaan IBS untuk projek swasta yang melebihi RM50 juta juga meningkat dari 14% pada tahun 2016 ke 40% pada tahun 2019. Biarpun kadar penggunaan IBS oleh penggiat industri pembinaan swasta masih lagi rendah, ia menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Oleh itu, usaha dalam meningkatkan penggunaan IBS ini perlu di teruskan dengan kerjasama yang padu daripada semua penggiat industri pembinaan.

7. Di dalam konteks ini, kerjasama di dalam kajian berkenaan pelaksanaan IBS ini adalah kritikal untuk memahami isu yang dihadapi pemaju sepanjang rangkaian bekalan IBS dan juga di peringkat kelulusan pihak berkuasa tempatan. Keputusan menjalankan kajian ini bersama dengan REHDA adalah tepat sekali kerana ia adalah cara terbaik bagi mendapatkan input industri dan memahami kesukaran serta cabaran yang dihadapi dalam menggunakan IBS di dalam projek-projek mereka.

8. Sementara itu, kajian pembangunan formula untuk IBS Interlocking Hollow Block System (IHBS) yang dijalankan dengan kerjasama UTM pula amat relevan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan IBS di luar bandar. IHBS sudah tentunya mampu memberi alternatif bagi mereka di luar bandar untuk melaksanakan IBS.
9. Saya ingin mengucapkan syabas kepada CREAM, REHDA Institute dan UTM di atas perjanjian yang akan dimeterai pada petang ini.
10. Saya berharap lebih ramai lagi penggiat industri, dan juga persatuan-persatuan yang berkaitan industri pembinaan supaya tampil mencadangkan serta melaksanakan kajian yang memberi impak besar kepada industri pembinaan negara. Ini adalah selaras dengan semangat kerjasama yang telah diterapkan di dalam slogan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP), “Bersama Memacu Kecemerlangan Pembinaan”.

Sekian terima kasih.